



Program Bimbingan Fiqh Kehidupan Sejahtera Wanita Warga Emas

Inisiatif Geran KTAGS UMT Memperkasa Komuniti Warga Emas Melalui Ilmu, Kesihatan dan Kerohanian

Oleh: Dr. Najihah binti Abdul Mutalib (Ketua Projek), Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, UMT

Pengenalan Program

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Dana Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS) telah berjaya melaksanakan Program Bimbingan Fiqh Kehidupan Sejahtera Wanita Warga Emas, satu inisiatif pemerksaan komuniti yang memberi tumpuan kepada aspek fiqh kehidupan, kesejahteraan rohani dan kesihatan wanita warga emas. Program ini dilaksanakan secara berfasa di empat buah surau komuniti sekitar Kuala Nerus bermula September hingga Disember 2025.

Latar Belakang Program

Golongan wanita warga emas merupakan kelompok yang penting dalam komuniti dan sering menjadi penggerak kepada aktiviti kemasyarakatan dalam satu-satu kawasan. Namun, kadangkala golongan ini juga sedikit terpinggir dan kurang akses kepada aktiviti kerohanian dan sosial yang berkait dengan wanita di usia emas.

Ramai dalam kalangan mereka menghadapi kekangan untuk mendalami ilmu fiqh ibadah dan muamalat yang sesuai dengan keadaan fizikal dan sosial semasa seperti cabaran melakukan solat dalam keadaan keuzuran, memahami hukum-hakam berkaitan puasa, zakat, pengurusan harta pusaka, hibah, dan hak keluarga selepas kematian pasangan.

Dalam masa yang sama, proses penuaan turut membawa cabaran dari aspek kesejahteraan fizikal dan emosi, termasuk penyakit kronik, kesunyian, dan tekanan jiwa. Oleh itu, keperluan untuk memberikan sokongan bersepadu yang merangkumi bimbingan rohani dan ceramah kesihatan semakin mendesak, khususnya dalam kalangan wanita warga emas yang menjadi tulang belakang institusi keluarga dan surau komuniti.

Pendekatan Holistik Program

Program ini dirancang bagi menyantuni keperluan tersebut melalui pendekatan holistik merangkumi:



Kefahaman fiqh dan ibadah dalam keuzuran



Pemeriksaan rohani melalui slot motivasi, zikir & terapi al-Quran



Pengetahuan asas penjagaan kesihatan warga emas



Pengurusan harta pusaka, hibah dan wasiat



Sokongan komuniti dan jaringan sosial

Pelaksanaan Program

Program ini telah dianjurkan dalam empat siri utama, melibatkan penyertaan lebih 30 wanita warga emas dari empat surau komuniti:

01

Slot Motivasi Kisah Inspirasi Sahabiah

30 September 2025, bertempat di Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT

Pengisian kerohanian yang menampilkan kisah wanita solehah sepanjang zaman sebagai inspirasi dan motivasi kepada kaum wanita warga emas.

02

Bengkel Bacaan al-Quran, Tarannum & Tajwid

11 Oktober 2025, bertempat di AU-01, Kompleks Kuliah Pusat, UMT

Sesi memperbaiki bacaan al-Quran secara mesra warga emas dan mengukuhkan hubungan peserta dengan al-Quran.

03

Ceramah Fiqh Wanita Warga Emas

31 Oktober 2025 & 1 November 2025, bertempat di Surau al-Ikhlas, Kg. Gong Awang Lib dan Surau at-Taqwa, Kg. Kubang Badak


Penerangan praktikal mengenai ibadah ketika uzur seperti solat duduk, tayammum dan kefahaman fiqh berkaitan puasa serta zakat.

04

Zikir terapi dari al-Quran, Ceramah Kesihatan & Harta Pusaka

6 Disember 2025, bertempat di DS1-01 Kompleks Kuliah Pusat, UMT

Meliputi bimbingan zikir, ceramah kesihatan warga emas dan perbincangan mengenai hibah, wasiat dan faraid.



Pengalaman Pembelajaran di Kampus UMT

Salah satu elemen istimewa program ini ialah kesempatan membawa peserta warga emas mengikuti sesi pembelajaran dalam dewan kuliah UMT. Ramai daripada mereka pertama kali menjejakkan kaki ke dewan kuliah universiti dan meluahkan rasa terharu serta teruja dengan pengalaman tersebut.


Inisiatif ini bertujuan:

- memberi pengalaman pembelajaran yang inklusif,
- menghubungkan komuniti dengan ekosistem akademik, dan
- menegaskan bahawa peluang menuntut ilmu tidak terhenti walaupun pada usia emas.



Kerjasama Komuniti

Program ini dijayakan dengan kerjasama erat empat buah surau di Kuala Nerus iaitu Surau al-Muttaqin Sepetir Rendang, Surau at-Taqwa, Kampung Kubang Badak, Surau Darul Salam, Kampung Alor Damat dan Surau al-Ikhlas, Kampung Gong Awang Lib. Program ini mendapat kerjasama yang amat baik daripada pihak Jawatankuasa surau yang memainkan peranan penting dalam penyertaan peserta, penyediaan fasiliti dan kelancaran setiap siri program.



Impak dan Hasil Program

Maklum balas peserta menunjukkan:

Peningkatan keyakinan beribadah

Peningkatan keyakinan beribadah mengikut keadaan kesihatan

Pemahaman fiqh yang lebih jelas

Pemahaman yang lebih jelas mengenai fiqh wanita warga emas

Kesejahteraan emosi dan sosial

Peningkatan kesejahteraan emosi dan sosial melalui sokongan rakan sebaya

Kesedaran penjagaan kesihatan

Kesedaran lebih baik mengenai penjagaan kesihatan

Pengurusan harta pusaka

Pemahaman awal mengenai pengurusan harta pusaka keluarga

Program ini bukan sahaja berfungsi sebagai ruang pembelajaran, tetapi juga medan memperkukuh hubungan komuniti dan membina sokongan emosi terhadap wanita warga emas.



Penutup

Penganjuran Program Bimbingan Fiqh Kehidupan Sejahtera Wanita Warga Emas membuktikan komitmen UMT dalam memperkukuh agenda pemindahan ilmu dan jaringan masyarakat.

Pemeriksaan wanita warga emas bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup mereka, tetapi secara tak langsung menyumbang kepada keharmonian komuniti, kestabilan keluarga dan pembangunan sosial negara.



Penghargaan

- Program ini dilaksanakan dengan sokongan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Dana Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS) Tahun 2025, di bawah seliaan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Masyarakat (PPIJIM) UMT.

